

30/08/1999

Generasi muda perlu bersedia `isi' kemerdekaan

Fadzil Abdul Aziz

MISI setiap anggota masyarakat untuk mempertahankan maruah bangsa, agama dan negara kini semakin mencabar, terutamanya dalam menangani perubahan paradigma menjelang abad ke-21.

Ini kerana kejayaan negara pada masa depan bergantung sepenuhnya kepada kemampuan rakyat untuk menilai sejarah, menggarap cabaran semasa dan membuat persediaan masa depan.

Kenyataan ini dengan sendirinya mengakui bahawa semangat perjuangan masyarakat hari ini sudah berubah dan akan terus mengalami transisi yang jauh lebih besar pada masa akan datang.

Bagi generasi baru, mereka mungkin boleh memahami sejarah kemerdekaan tetapi tidak pasti sedalam mana penghayatan mereka terhadap perjuangan dalam menuntut kebebasan itu sendiri.

Jarak waktu dan perubahan cara hidup serta penerapan pelbagai budaya baru membezakan keadaan dulu dan sekarang. Perubahan masa depan akan terus melanda corak hidup dan pemikiran rakyat, khususnya generasi muda.

Sebagaimana dijelaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini, Malaysia sudah bersiap sedia untuk menjadi negara maju dan menghadapi cabaran alaf baru.

Saluran untuk menyampaikan mesej kepada dunia itu dibuat menerusi `Perayaan Seabad Malaysia Ke Alaf Baru' yang akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Stadium Bukit Jalil, esok.

Pelancaran itu adalah serentak dengan sambutan Hari Kebangsaan dengan tema Bersatu Ke Alaf Baru, yang menjadi agenda terpenting bagi mencapai matlamat dan wawasan negara menuju negara berteknologi tinggi.

Untuk itu, setiap individu harus memikirkan cara untuk membabitkan seluruh anggota masyarakat terbabit secara langsung dalam perayaan itu. Mereka seharusnya mengambil daya usaha untuk turut serta dalam perayaan yang diatur, sekurang-kurangnya di tempat mereka sendiri.

Adalah merugikan jika anggota masyarakat tidak membawa anak-anak mereka untuk bersama-sama menghayati dan mempelajari sejarah serta pencapaian negara sejak seabad lalu.

Generasi muda harus dibabitkan dalam acara seumpama itu supaya mereka faham bahawa kekuatan dan kemakmuran yang dikecapi selama ini dicapai menerusi keringat dan perjuangan orang terdahulu.

Dr Burhanuddin Helmi, dalam suatu ucapan pentingnya pada 1946, misalnya dengan penuh insaf meluahkan kata-kata perangsang.

"Di atas robohan kota Melaka, kita bangunkan jiwa merdeka. Bersatu padulah seluruh baka, membela hak keadilan pusaka."

Kita adalah bangsa yang tahan lasak. Walaupun sentiasa diancam gelombang penghijrahan dari luar serta persaingan budaya, politik, ekonomi dan ketenteraan dunia, kita masih dapat mengekalkan jati diri dan kemerdekaan kita.

Pada abad ke-21 nanti, keadaan dunia akan berubah. Cara pemikiran manusia juga akan berubah. Masyarakat pula pasti terbawa-bawa untuk turut berubah mengikut suasana semasa.

Soalnya, apakah bentuk perubahan masyarakat itu akan membawa kebaikan atau keburukan kepada bangsa dan negara. Kita secara sedar atau tidak, sukar meramalkannya hari ini.

Tetapi, sesuatu yang pasti ialah sudah ada suara kebimbangan mengenai bentuk wajah masyarakat dan generasi muda Malaysia akan datang terutamanya pada alaf baru nanti dan seterusnya.

Kebimbangan ini sebenarnya adalah luahan hati daripada pemimpin hari ini yang prihatin terhadap masa depan negara. Soalnya, apakah reaksi setiap anggota masyarakat sendiri terhadap keprihatinan barisan kepemimpin negara itu.

Jika keseimbangan ini hanya dijiwai di peringkat induk semata-mata, sudah tentu perubahan yang akan berlaku hanyalah paling minimum dan tidak membabitkan persoalan utama.

Mengisi dan mempertahankan kemerdekaan bukan perkara mudah, lebih-lebih lagi dalam dunia `tanpa sempadan'. Tiada negara yang bebas daripada risikan satelit di angkasa dan penerobosan sistem kewangan, ekonomi dan maklumat yang bersifat sedunia.

Ia memerlukan daya fikir, ilmu pengetahuan, kecintaan kepada pertiwi, semangat juang dan kesungguhan pada tahap tertinggi. Ia juga memerlukan sokongan padu semua anggota masyarakat yang sedang mengisi kemerdekaan itu.

Kemerdekaan juga adalah perjuangan yang sudah lama bermula, berterusan dan tiada noktahnya.

Dalam ucapan menjelang pemasyhuran kemerdekaan di Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos 1957, Tunku Abdul Rahman Putra yang mengetuai kerajaan Tanah Melayu, menegaskan;

"Sambil kita mengenang masa yang lampau kita perlu memandang dengan kepercayaan dan harapan kepada masa depan. Janganlah ada seorang pun yang menyangka bahawa kita sudah sampai ke penghujung jalan.

Namun, walau apapun hakikatnya, sebagai negara yang mengamalkan demokrasi, anggota masyarakat, khususnya golongan muda tidak seharusnya menyalahgunakan hak yang ada. Setiap mereka haruslah meletakkan kepentingan negara dan bangsa melebihi kepentingan diri.

(END)